

20 OCT 1996

Lim-Pekerja

TINDAKAN TEGAS MKN TIDAK JEJAS KEPERLUAN TENAGA KERJA NEGARA

KUALA LUMPUR, 20 Okt (Bernama) -- Keputusan Majlis Keselamatan Negara (MKN) untuk mengenakan tindakan keras termasuk hukuman rotan ke atas pekerja asing tanpa izin tidak akan menjejaskan keperluan tenaga kerja di negara ini, kata Menteri Sumber Manusia Datuk Lim Ah Lek.

"Langkah ini wajar bagi menyekat sindiket tidak bertanggungjawab membawa masuk pekerja asing tanpa sebarang dokumen," katanya kepada pemberita selepas menghadiri Hari Keluarga kakitangan kementeriannya di Taman Tasik Titiwangsa di sini hari ini.

"Mesej kerajaan sekarang amat jelas... kalau tidak ada dokumen jangan datang...kita hanya menerima pekerja asing yang ada dokumen sah," tambahnya.

Menurut Lim pembekuan pengambilan pekerja asing masih dikekalkan, oleh demikian beliau menyokong penuh keputusan MKN yang diumumkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad Khamis lepas.

Katanya Dr Mahathir yang juga pengerusi MKN sudah tentu memikirkan masak-masak mengenai masalah berkaitan dengan pekerja asing tanpa izin sebelum membuat keputusan itu.

"Saya mengucapkan tahniah kepada Perdana Menteri kerana bertindak tegas bagi mengelakkan masalah pendatang haram ini berlarutan sebelum terlambat," katanya.

Menurut Lim, tindakan tegas MKN itu sebenarnya juga bertujuan memberi perlindungan kepada pekerja asing yang tidak mempunyai dokumen sah daripada dianaiyai oleh ejen-ejen dan majikan yang tidak bertanggungjawab yang menjanjikan mereka pelbagai kemudahan dan gaji yang lumayan.

Katanya, beliau sudah memaklumkan kepada rakan-rakan sejawatannya di Indonesia, Filipina, Bangladesh dan lain-lain negara yang menghantar rakyat mereka bekerja di negara ini tentang tindakan kerajaan itu yang antara lain juga bertujuan melindungi mereka daripada ditipu.

Mengenai pekerja asing tanpa izin yang sudahpun berada di negara ini, katanya beliau sedih melihat keadaan mereka yang ada di antaranya terpaksa terus bekerja tanpa gaji atau layanan tidak memuaskan daripada majikan semata-mata kerana mereka tidak berdaya melaporkan kepada pihak berwajib.

"Itulah sebabnya kita tidak galakkan mereka datang secara haram kerana apa yang dilakukan kerajaan adalah untuk kebaikan mereka sendiri. Pindaan terhadap Akta Imigresen juga akan mengingatkan majikan bahawa adalah menjadi kesalahan besar bagi mereka mengambil pekerja asing tanpa izin," katanya.

Mengenai arahan berhenti kerja yang dikeluarkann kepada dua kontraktor projek kondominium Bukit OUG berikutan dengan kematian seorang penyelia pembinaan, Lim berkata satu pasukan pertugas dianggotai oleh 30 pegawai telah ditubuhkan di kementeriannya untuk memastikan kontraktor-kontraktor pembinaan, terutamanya di Lembah Klang di mana terdapat banyak bangunan tinggi, mengikut peraturan keselamatan di tempat kerja.

"Saya berharap kami akan dapat memulakan tugas ini mulai awal tahun depan untuk memberi tempoh selama tiga bulan kepada para kontraktor untuk memperbaiki taraf keselamatan mereka di tempat kerja. Malahan sebelum itu pun pemeriksaan biasa akan dilakukan," kata beliau.

Kata beliau langkah yang sama juga kan dilakukan diperingkat negeri.

"Tujuannya bukan untuk mengeluarkan arahan berhenti kerja, tetapi untuk menentukan para kontraktor mengikut peraturan keselamatan," katanya. --

BERNAMA

ZAB WAT